

21 JAN 2002

Mahathir-Taski

KERAJAAN CARI JALAN SELIA SECARA RAPI TADIKA DAN TASKI

PETALING JAYA, 21 Jan (Bernama) -- Kerajaan sedang mengkaji langkah mengadakan kawalan lebih baik terhadap tadika dan taman asuhan kanak-kanak Islam (Taski) bagi memastikan ia tidak dijadikan tempat menyemai perasaan benci terhadap orang tertentu.

Perdana Menteri Dr Seri Dr Mahathir Mohamad berkata untuk itu undang-undang sedia ada mungkin dipinda atau undang-undang baru diperkenalkan.

Katanya buat masa sekarang kerajaan tidak mempunyai penyeliaan yang mencukupi terhadap tadika atau taski kerana ia ditubuhkan tanpa kebenaran.

"Mereka (pengusaha tadika dan taski) ajar (kanak-kanak) sesuka hati mereka. Apa kelulusan mereka kita tidak tahu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan pusat komuniti Puteri Umno di Flat Taman Seri Manja di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas lanjut mengenai ucapannya sebelum itu bahawa ada pihak yang menggunakan tadika dan taski untuk menyemai perasaan benci pada kanak-kanak terhadap orang tertentu.

Perdana Menteri memberi contoh bagaimana Presiden Pakistan Pervez Musharraf mengambil tindakan menutup madrasah yang didapati bukan mengajar agama sebaliknya mengajar untuk memberontak terhadap kerajaan.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan menutup madrasah yang dikendalikan oleh PAS, beliau berkata: "Jika kita dapati mereka mengajar perkara lain daripada agama...jika mereka mengajar bagaimana untuk melanggar undang-undang seperti apa yang berlaku di Pakistan, kita perlu menimbang semula sama ada untuk membenarkan mereka atau tidak."

-- BERNAMA

RV DC RON